

Semoga seni silat tidak mati dgn tiada kuburnya

12 DEC 1974

NAMPAKNYA badan-badan Melayu mengambil sikap dingin sekali terhadap seruan-seruan dari pihak berkuasa supaya mereka tampil ke depan dan mendaftarkan diri sekiranya mereka ada terlibat dalam kegiatan-kegiatan seni silat.

Menurut berita-berita dalam BH, hanya tiga buah badan saja yang telah mengemukakan permohonan untuk mendaftarkan diri apabila tarikh berkuatkuasanya ditutup pada 2 Disember yang baru lalu ini.

Adakah ini berarti bahawa memang sebenarnya hanya ada tiga buah pertubuhan Melayu saja yang bergiat di bidang seni silat di Singapura pada masa ini? Saya kira, ini adalah satu kenyataan yang salah.

Apa yang kita tahu, ada berpuluh-puluh buah badan Melayu yang aktif yang bergiat ataupun ahli-ahlinya bergiat di bidang seni silat Melayu ini. Acara-acara dan pertunjukan-pertunjukan yang mereka persembahkan selama ini adalah sebagai bukti.

Selain dari itu, salah satu bukti lagi ialah ba-

dan-badan yang menjadi kerabat Majlis Pusat. Saya kira, tidak kurang dari sepuluh buah badan dalam Majlis Pusat yang ada sekis-seksi silatnya.

Jadi, kalau hanya ada tiga buah badan saja yang mengemukakan permohonan untuk berdaftar pada 2 Disember itu, maka bertillah yang lain-lain itu tidak menyahut seruan pihak berkuasa.

Saya tidak fikir mereka tidak sedar tentang syarat-syarat yang diperlukan mengikut undang-undang baru ini. Sebagai pemimpin-pemimpin pertubuhan, tentulah menjadi tugas mereka untuk mengetahui tentang apa yang berlaku di sekitar masyarakat.

Selain daripada badan-badan yang berdaftar itu, maka adalah menjadi pengetahuan umum ada ramai guru silat yang mempunyai ramai murid mereka.

Kita boleh pergi saja ke pondok-pondok atau ke kampung-kampung pada sebelah malam, maka kita akan dapat melihat acara-acara mengajar seni silat ini diadakan. Mengapakah mereka ini tidak berdaftar?

Saya khuatir sekiranya pihak berkuasa mengambil tindakan nanti terhadap sesiapa yang melanggar undang-undang baru ini, maka akan timbul tuduhan-tuduhan yang tidak adil. Mungkin nanti akan mengatakan bahawa pihak yang berkuasa hendak membunuh seni silat Melayu.

Oleh itu, dengan pembentukan Majlis Pengawal Seni Silat yang diusahakan oleh Majlis Sukan Kebangsaan, maka saya berharap hendaknya dapatlah diusahakan supaya keadaan yang tidak sihat ini tidak berterusan. Saya berseru kepada pegawai-pegawai Majlis Pengawal Seni Silat ini akan berusaha untuk memberi penerangan yang lebih jelas sambil menghubungi guru-guru silat dan badan-badan silat supaya mereka dapat lekas-lekas bergabung dengan Majlis itu. Dengan cara ini dapatlah kita menyelamatkan ilmu seni silat Melayu daripada mati tanpa kuburnya.

ANAK HARIMAU
Lorong Sarhad

Singapura antara 4 negara

ASEAN yg diundang

17 DEC 1974

SINGAPURA adalah antara negara-negara dalam ASEAN yang dilaporkan telah menerima undangan untuk menyertai satu pertandingan silat peringkat kebangsaan bagi rantau ini yang akan diadakan di Kuala Lumpur, Januari depan.

Undangan itu difahamkan tidaklah dibuat dalam peringkat antara Pemerintah dengan Pemerintah tetapi antara sebuah pertubuhan silat di Malaysia dengan kumpulan Silat Gayong Harimau di sini.

Jadual

Kumpulan silat dari Singapura ini dikatakan telah diundang untuk menghadiri satu pertandingan yang akan dianjurkan oleh Pertubuhan Seni Silat Lincah Malaysia dengan tujuan untuk menyatukan silat-silat di negara-negara ASEAN.

Pertandingan itu dijadualkan diadakan di Stadium Negara Kuala Lumpur dan mungkin akan dibuka rasmi oleh Perdana Menteri Malaysia, Tun Abdul Razak.

Guru pertubuhan silat itu, Encik Omar Din, dalam satu temuramah dengan sebuah akhbar Malaysia baru-baru ini telah dilaporkan sebagai berkata bahawa empat buah negara ASEAN, selain Malaysia, telah diundang untuk menyertai pertandingan tersebut.

Oleh **SALIM OSMAN**

Negara-negara itu ialah Singapura, Thailand, Indonesia dan Filipina, yang telah dijemput untuk menunjukkan seni mempertahankan diri masing-masing.

Kata Encik Omar: "Indonesia, Singapura dan Thailand telah bersetuju datang. Tetapi Filipina belum memberi kata pemutus."

"Harapannya untuk turut serta adalah 60 peratus. Ini adalah kerana seni mempertahankan diri di Filipina agak berlainan."

Thailand dikatakan akan menghantarkan serombongan pendekarnya yang ahli dalam Tinju Siam atau Tomoi.

Indonesia pula dikatakan akan menghantarkan rombongan pendekar silat dari Lubis, Medan, yang dianggap sebagai seni mempertahankan diri yang semakin popular di negara itu.

Kata guru itu lagi: "Dari Singapura pula ialah Silat Gayong Harimau. Saya tidak tahu setakat mana kehebatannya tetapi dari apa yang saya dengar tidaklah kurang handalnya."

17 DEC 1974 **Peserta 2**

Sebanyak 11 buah pasukan telah terpilih dan mereka ini akan bertanding pada 22 Disember ini untuk merebut tempat pasukan yang mewakili negara itu.

Pertandingan peringkat kebangsaan itu akan menjadi satu pertandingan yang hebat dan kira-kira 7,000 keping tiket telah pun dicitak.

Kalangan seni Silat Melayu di sini memberitahu bahawa Singapura tidak mempunyai sebuah pertubuhan silat Gayong Harimau yang tersendiri.

Bagaimanapun, kata mereka, seni itu diajar sebagai satu cabang keglahan beberapa buah pertubuhan belia dan kebudayaan di Republik ini.

Beberapa orang ahli Silat Melayu yang dihubungi semalam menyatakan mereka tidak tahu kumpulan manakah yang telah menerima undangan pertubuhan silat dari Malaysia itu.